

EDISI
APRIL 2025

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



KUNJUNGAN STRATEGIK WADAH KE KUWAIT

7 APRIL - Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, telah mengadakan kunjungan strategik ke Kuwait selama dua hari bermula 6 hingga 7 April 2025, dalam usaha memperkuat hubungan antarabangsa dan membina kerjasama rentas negara bagi pembangunan ummah yang berdaya tahan.

Lawatan tersebut menyaksikan pertemuan rasmi Dato' Ahmad Azam bersama Encik Jamal Al Shehab, wakil Union of NGOs of the Islamic World (UNIW) cawangan Kuwait, serta beberapa wakil NGO tempatan. Turut serta dalam sesi perbincangan ialah Penolong Setiausaha Agung UNIW, Saudara Fauwaz Hasbullah juga merupakan Naib Presiden WADAH. Dalam lawatan ini juga, Presiden turut adakan pertemuan dengan Duta Malaysia di Kuwait, TYT Ambassador 'Alauddin Mohd Nor. Pertemuan tersebut menyentuh cadangan pengurusan bersama program latihan kepimpinan belia Islam, projek pembangunan komuniti pelarian, dan inisiatif penyelidikan bersama dalam bidang keamanan dan dialog antara budaya.



MESYUARAT PERBINCANGAN PROGRAM LEADERSHIP ASEAN MADANI

7 APRIL - Satu mesyuarat perbincangan awal bagi Program Leadership ASEAN MADANI telah diadakan pada 7 April 2025 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mesyuarat ini oleh wakil Pimpinan WADAH, En. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH dan Puan Maria Kamel, EXCO WADAH.



PERTEMUAN BERSAMA KETUA PENGARAH AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM)

PADA 7 APRIL 2025, wakil pimpinan WADAH telah mengadakan satu pertemuan rasmi bersama Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) bagi membincangkan kerjasama strategik melibatkan pembangunan kepimpinan generasi muda berteraskan nilai kenegaraan dan prinsip Malaysia MADANI.

WADAH telah diwakili oleh En. Khairul Arifin Mohd Munir, Penolong Setiausaha Agung WADAH dan En. Megat Mohd Azlan Md Arshad, Exco WADAH.

Pertemuan ini membuka ruang perbincangan awal ke arah program bersama melibatkan pendidikan sivik, latihan kenegaraan dan wacana kebangsaan yang lebih inklusif dan progresif.



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA



**TIMBALAN PRESIDEN
WADAH TELAH TAMPIL
DALAM RANCANGAN DI
TV ALHIJRAH**

10 APRIL - Rumah terbuka bukan hanya tahunan yang sinonim dengan musim perayaan, malah ia berpotensi menjadi ruang untuk menghidupkan sunnah ziarah, mengeratkan silaturahim serta menyemai perpaduan merentas kaum dan agama. Demikian antara kupasan penting yang dikongsikan oleh Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri Harun dalam rancangan Assalamualaikum di TV AlHijrah.

Beliau turut menyarankan agar jemputan rumah terbuka tidak hanya tertumpu kepada saudara mara atau kenalan penting semata-mata, tetapi harus juga melibatkan jiran tetangga terdekat. Dalam Islam, jiran mempunyai hak yang besar, dan sewajarnya menjadi antara tetamu utama dalam mana-mana majlis kenduri atau jamuan. Selain itu, Ustaz Hasri turut menekankan adab semasa kehadiran di rumah terbuka. Kehadiran hendaklah dirasai, bukan sekadar datang makan dan pulang tanpa bersapa. Beliau menyeru agar tetamu memberi salam, bertegur sapa, bertanya khabar dan bersalaman dengan tuan rumah atau penganjur. Ini penting bagi memupuk kasih sayang dan membina hubungan ukhuwah yang lebih bermakna.

JAMUAN RAYA WADAH PUSAT

12 APRIL – Suasana penuh kemeriah-an dan keakraban terpancar dalam Jamuan Raya anjuran WADAH Pusat yang diadakan hari ini bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis yang berlangsung dalam suasana harmoni ini turut disertai oleh pimpinan, ahli-ahli serta staf WADAH dari seluruh negeri. Pelbagai juadah tradi-sional seperti rendang, ketupat, soto, lemang dan kuih-muih raya disajikan kepada para tetamu yang hadir.

Jamuan raya ini telah memper-lihatkan kemesraan hubungan se-sama ahli serta menghidupkan buda-y Kasih sayang dan keakraban yang menjadi asas kepada kelangsungan perjuangan. Ia juga memberi ruang untuk menghubungkan kembali war-ga WADAH selepas tempoh sibuk Ramadhan, serta menjadi medan san-tai untuk bertukar pandangan dan menyusun semula langkah pasca-Syawal.



MESYUARAT EXCO WADAH PUSAT

12 APRIL - Mesyuarat Exco WADAH Pusat yang telah berlangsung dalam suasana penuh komitmen dan kesepakatan. Mesyuarat ini diadakan bagi menyelaraskan hala tuju organisasi, menilai pelaksanaan program-program sedia ada serta merangka strategi dan pelan tindakan yang lebih berkesan dan menyeluruh.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam bin Ab Rahman, menekankan keperluan untuk memperkuuh pelaksanaan program serta memperluas jaringan kerjasama strategik demi mencapai matlamat dakwah dan pembangunan ummah. Presiden WADAH dalam ucapan pembukaan menegaskan bahawa kelangsungan perjuangan memerlukan kekuatan organisasi yang tersusun dan pimpinan yang berjiwa besar.



PELANCARAN PUSAT KAJIAN DAKWAH DR RAZALI NAWAWI

12 APRIL - Dalam satu majlis penuh bersejarah dan bermakna, WADAH Pusat telah melancarkan Pusat Kajian Dakwah Dr Razali Nawawi, sebagai usaha mengangkat dan meneruskan legasi pemikiran serta perjuangan tokoh dakwah tersohor tanah air, Allahyarham Dr Razali Nawawi.

Penubuhan pusat kajian ini bertujuan untuk menjadi medan pemikiran dan penyelidikan dalam bidang dakwah, pendidikan, dan pembangunan ummah, berpaksikan kepada warisan ilmu dan pendekatan dakwah yang dibawa oleh Allahyarham. Ia juga berperanan sebagai pusat dokumentasi, wacana ilmiah serta pembangunan modul dakwah yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat.



ZIARAH RAYA EXCO WADAH PUSAT KE RUMAH SENIOR DALAM GERAKAN JAMAAH

SEMPENA sambutan Syawal, EXCO WADAH Pusat telah mengadakan Ziarah Raya ke rumah beberapa bekas pimpinan dan ahli WADAH sebagai tanda

meraikan lebaran serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan warga organisasi. Program ziarah ini diadakan Ziarah Raya ini turut disertai oleh Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman bersama beberapa ahli jawatankuasa WADAH Pusat.

Presiden WADAH menyifatkan ziarah ini sebagai manifestasi semangat kebersamaan dan penghargaan kepada para pendokong yang sentiasa teguh bersama jamaah Gerakan Islam, meskipun dalam suasana yang serba mencabar. Aktiviti ziarah sebegini perlu terus dipelihara dan diperkasakan sebagai budaya organisasi, kerana ia menyuburkan kasih sayang, membina kepercayaan serta memupuk semangat kebersamaan yang menjadi tunjang utama dalam kerja-kerja jamaah.





PERTEMUAN PRESIDEN BERSAMA WAKIL YAPEIM

14 APRIL - Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, telah mengadakan satu pertemuan rasmi bersama wakil daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam pelbagai bidang pembangunan ummah.

Fokus utama pertemuan ini adalah untuk meneroka ruang kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan sosial, ekonomi berteraskan Islam, dan pemerkasaan komuniti khususnya dalam kalangan belia dan golongan rentan.



NAIB PRESIDEN WADAH SEBAGAI PANEL DALAM SEMINAR MEMPERKASA PERANAN AYAH

15 APRIL - Naib Presiden WADAH, Encik Fauwaz bin Hasbullah, telah dijemput sebagai salah seorang panelis dalam Seminar Memperkasa Peranan Ayah yang telah berlangsung di Kolej Dar al-Hikmah. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan penting seorang ayah dalam keluarga serta masyarakat.

Seminar ini memberi peluang kepada para peserta untuk mendalami dan mendapatkan perspektif baru tentang bagaimana seorang ayah dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan proaktif dalam pembangunan keluarga dan masyarakat. Antara topik yang dibincangkan termasuk komunikasi berkesan dalam keluarga, pendidikan nilai-nilai murni, serta peranan ayah dalam membentuk generasi masa depan yang berkualiti.



SEMINAR MEMPERKASA PERANAN AYAH

Mengharmonikan Peranan Ibu dan Bapa dalam Keluarga

PANELIS:

PN. BADARIAH ISMAIL PENGASAS DZUL IMAN SMART KHALIFAH

TN. FAUWAZ HASBULLAH PERTUBUHAN PEMBERDAYAAN BAPA PENYAYANG

DR JASON LEONG PENGASAS & PENASIHAT BETTER DADS MALAYSIA

MODERATOR:

TUAN SAYED MUNAWAR SAYED MUSTAR HOS TV/ JURULATIH PROFESIONAL

ANJURAN: FAME KERJASAMA: Kolej Dar al-Hikmah



Seminar Kepimpinan Madani Cakna Pendidikan Digital



KOTA KINABALU SABAH, 17 APRIL 2025 – Seminar tersebut adalah anjuran Pertubuhan SALWA Malaysia dan WADAH Sabah dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Institut Aminuddin Baki (IAB) Cawangan Sabah, Kelab Surirumah dan Staf Wanita (KESUMBA), Universiti Malaysia Sabah, Persatuan Wanita Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (PeWaniS) dan Persatuan Sukarelawan dan Kebajikan Wanita Sabah (UKKWA). Telah berlangsung di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah dan dihadiri oleh seramai 400 orang peserta yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah, penjawat awam, aktivis masyarakat dan orang awam. Seminar separuh hari ini dirasmikan oleh YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia. SALWA Malaysia diwakili oleh Pengurus SALWA sendiri, Hajah Nordiran Idris bersama 4 orang pimpinan SALWA yang lain.



MESYUARAT MAJLIS PIMPINAN KANAN JEMAAH (MPKJ)

16 APRIL - Majlis Pimpinan Kanan Jemaah (MPKJ) telah mengadakan satu mesyuarat yang membincangkan pelbagai isu penting berkaitan perancangan strategik dan peningkatan kualiti gerakan jemaah dalam menghadapi cabaran semasa. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengurus MSK serta pimpinan kanan jemaah daripada ABIM dan PKPIM.

Mesyuarat kali ini memberi tumpuan kepada perancangan jangka panjang, pengukuhan organisasi, serta cara-cara untuk meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan program-program yang telah digariskan. Pelbagai isu kritis seperti peningkatan kesedaran mengenai dakwah, pengukuhan sistem pendidikan, serta penambahbaikan aspek kemasyarakatan menjadi topik utama perbincangan.



JOM DAFTAR AHLI WADAH



PROGRAM LIBAT URUS GAZA ANJURAN YADIM



17 APRIL - Wakil pimpinan WADAH Pusat En. Megat Mohd Azlam Md Arshad telah menyertai Program Libat Urus Gaza yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) sebagai tanda solidariti dan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin yang terus berdepan dengan penindasan dan krisis kemanusiaan. Antara intipati program ini termasuk pembentangan laporan semasa berkaitan situasi kemanusiaan di Gaza, sesi dialog dan perkongsian pengalaman antara NGO, serta perbincangan mengenai pelan tindakan bersama yang boleh digerakkan oleh masyarakat sivil di Malaysia.

Program Libat Urus Gaza ini juga berjaya merumuskan beberapa cadangan penambahbaikan dalam penyampaian bantuan, termasuk pembentukan pasukan penyelaras NGO, pengumpulan dana secara berpusat, serta penggunaan platform digital dalam menyampaikan maklumat dan kempen kesedaran kepada masyarakat umum.



PRESIDEN SAMPAIKAN PIDATO KENEGARAAN MADANI

GENTING HIGHLANDS, 17 APRIL 2025 – Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah menyampaikan Pidato Khas Kenegaraan MADANI kepada lebih 100 orang pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan warga KPM sempena Kursus Peningkatan Profesionalisme anjuran Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Pidato bertajuk "Membina Generasi Ummatik Dalam Menghadapi Cabaran Geopolitik Dunia" menyoroti keperluan mendesak untuk memperkasakan peranan pendidikan Islam dalam membina watak kepimpinan pelajar yang berdaya tahan, berwawasan global, dan beraksyen nilai-nilai MADANI.





PERTEMUAN DENGAN PENGARAH AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM) SELANGOR

18 APRIL – Pertemuan dgn Pengarah AKM SELANGOR, Sdr Ahmad Shukri Adnan yang diwakili oleh Hj Mohd Yusop Hasan (Naib Presiden), Hj Megat Mohd Azlan Md Arshad (EXCO LATIHAN), Sdr Wan Zulkifly Che Awang (PTN Gombak), Ustazah Azini Osman (PTN GOMBAK) dan

Sdr Mustaffa Kamaludin Masruri (Penggerak PTN GOMBAK) mengenai Kertas cadangan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani di Parlimen Gombak di 10 lokasi. Perbincangan merangkumi cadangan untuk Majlis Pelancaran Karnival Malaysia Madani di Peringkat Gombak oleh YAB MENTERI Besar Selangor. Perkembangan selanjutnya akan dimaklumkan nanti setelah beberapa siri perbincangan dgn pemegang taruh yang terlibat.



MAJLIS TAUTAN UKHUWAH WADAH ABIM PKPIM & AGENSI



19 APRIL - Suasana penuh mesra dan kehangatan Syawal menyelubungi Majlis Tautan Ukuwah Aidilfitri anjuran bersama WADAH, ABIM, PKPIM serta beberapa agensi, yang diadakan bagi meraikan Aidilfitri bertempat di Kolej Dar al-Hikmah.

Majlis ini dianjurkan bertujuan untuk

mengukuhkan tali silaturrahim dan ukhuwah antara pimpinan serta ahli WADAH, ABIM, PKPIM dan rakan-rakan agensi strategik, khususnya dalam suasana penuh kemeriahan Syawal yang membawa mesej kasih sayang dan perpaduan. Majlis ini bertujuan bukan sahaja untuk

meraikan kemenangan setelah melalui Ramadan, tetapi juga sebagai ruang untuk memperkuuh hubungan antara generasi dan organisasi, menghidupkan budaya kasih sayang dalam gerakan, serta memperbaharui semangat perjuangan dalam suasana yang lebih segar dan bersatu hati.





PERSIDANGAN MAJLIS SYURA KEBANGSAAN KALI KE-47

BANGI, 20 APRIL 2025 – Persidangan Majlis Syura Kebangsaan Kali Ke-47 (MSK-47) anjuran bersama WADAH, ABIM dan PKPIM telah berjaya dilangsungkan dengan jayanya di Kolej Dar Al-Hikmah (KDH), Sungai Ramal Dalam, Kajang. Persidangan ini menghimpunkan pimpinan pelbagai peringkat daripada ketiga-tiga agensi induk untuk membincangkan hala tuju gerakan, agenda strategik serta isu-isu semasa ummah.





PERMUKIMAN PUSAT TUNAS NAHDAH SELURUH NEGARA

23 - 25 APRI 2025, Permatang Pauh-Program Permukiman Pusat Tunas Nahdah (PTN) yang menghimpunkan wakil Tunas Nahdah dari seluruh negara telah berlangsung dengan penuh semangat dan komitmen di Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Turut hadir, Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman dan beberapa wakil pimpinan kanan WADAH. Program ini merupakan platform pengukuhan fikrah, ukhuwwah dan hala tuju gerakan akar umbi Tunas Nahdah di bawah naungan WADAH dengan objektif menyelaras pelaksanaan program nasional serta memperkasakan struktur organisasi di peringkat negeri.

Antara pengisian utama termasuk sesi pembentangan laporan negeri, bengkel pelan strategik, diskusi dasar serta pengukuhan nilai-nilai kepimpinan berteraskan prinsip Nahdah.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH




MAJLIS PELANCARAN PUSAT TUNAS NAHDAH PARLIMEN PERMATANG PAUH DAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA WAP PULAU PINANG

PADA 25 APRIL 2025- Majlis pelancaran Pusat Tunas Nahdah di Parlimen Permatang Pauh telah diadakan dengan tujuan memperkuuh pembangunan

modal insan dan memperluas program pendidikan serta kebajikan di kawasan tersebut.

Pada hari yang sama, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

anjuran Wadah ABIM Pulau Pinang (WAP) telah diadakan, menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana penuh kemeriah dan muhibah.



PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG WADAH HADIR KE SIDANG MEJA BULAT ANJURAN YADIM



PADA 25 APRIL 2025, Penolong Setiausaha Agung WADAH telah menghadiri Sidang Meja Bulat anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Sidang ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan perpaduan dan pembangunan ummah, serta memperkuuh kerjasama antara badan-badan dakwah di Malaysia. Penyertaan WADAH dalam sidang ini mencerminkan komitmen organisasi dalam menyumbang kepada wacana strategik dan memperkuuh jaringan kerjasama dengan institusi-institusi dakwah lain



BENGKEL PARENTING OSEM DAN BENGKEL KESIHATAN REPRODUKTIF

PADA 26 APRIL 2025, telah berlangsung dua program serentak anjuran WADAH Pulau Pinang iaitu Bengkel Parenting OSEM yang telah disampaikan oleh Puan Norazizah Abdul Aziz dan Bengkel Kesihatan Reproktif Remaja yang telah disampaikan oleh Dr. Shahrizal Azwan Samsudin bertempat di Pusat Tunas Nahdah, Permatang Pauh. Program ini disertai oleh ibu bapa, remaja serta komuniti setempat dengan objektif memperkuuh peranan institusi keluarga serta meningkatkan kesedaran berkaitan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja. Penceramah berpengalaman telah dijemput untuk menyampaikan pengisian secara interaktif dan mesra peserta.





Presiden WADAH Hadiri Majlis Hari Raya anjuran RISEAP



28 APRIL 2025 | KUALA LUMPUR –

Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pacific (RISEAP) yang berlangsung pada 28 April 2025.

Majlis yang diadakan di ibu pejabat RISEAP ini menghimpunkan wakil-wakil dari pelbagai pertubuhan Islam serantau dalam suasana ukhuwah dan silaturrahim. Kehadiran Presiden WADAH mencerminkan komitmen WADAH dalam memperkuuh jaringan kerjasama dengan organisasi Islam di peringkat serantau.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah pimpinan tertinggi RISEAP, delegasi NGO Islam, serta rakan-rakan strategik dari dalam dan luar negara.



Salwa Turun Negeri (SANTUN)

Sabah

16 - 18 APRIL 2025

Ziarah SALWA ke Sabah diketuai Pengerusi SALWA, Ustazah Nordiran Idris. Turut hadir Naib Presiden WADAH, PM Ts. Dr. Nur Izura Udzir. Jawatankuasa SALWA yang turut serta adalah Dr Salmijah, Puan Norasmawati, Ustazah Norlaila dan Cikgu Noraniah.

Kehadiran rombongan disantuni SALWA Sabah yang diketuai Dr Arsiah Bahron dan Datin Rosnih. Kali ini SANTUN berpeluang mengenali budaya masyarakat Dusun

melalui ziarah ke Kampung Kobuni Inanam, Kota Kinabalu.

Suatu kemestian agenda SANTUN adalah pertemuan bersama SALWA Negeri. Seramai 20 orang telah hadir dalam pertemuan mesra di Rumah Putih milik Hj Sulaiman dan Puan Faridah Titingan.

Rombongan SANTUN juga turut melawat dan menyampaikan sumbangan prihatin kepada Home Tuaran dan Rumah Putera Harapan Ranau. Dua institusi kebajikan ini adalah di bawah penyeliaan WADAH dan ABIM Sabah.



BERITA SALWA





Lensa



Seminar Sekeluarga

TOLAK PORNOGRAFI (STOP 2025)



TARIKH: 29 April 2025 (Selasa)

MASA: 8.30 pagi – 1.15 tengah hari

TEMPAT: DKF 1.2, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM

The poster features a red background with the text "SEMINAR" at the top. Below it is a large yellow hand icon with the letters "SToP". The text "SEKELUARGA TOLAK PORNOGRAFI" is written in yellow. Below the text are several small icons representing various digital platforms and media. At the bottom, it says "Anjuran:" followed by the SALWA logo and "PERTUBUHAN SALWA MALAYSIA". It also includes social media links and an email address: salwamalaysia.org, [Salwa Malaysia](https://www.facebook.com/SalwaMalaysia), and salwamalaysia2018@gmail.com.

SEMINAR telah dihadiri oleh seramai 180 orang, daripada jabatan kerajaan, NGO, kaunselor, guru-guru, ibubapa dan pelajar.

Perasmian Seminar telah disempurnakan oleh Prof Madya Dr. Mohd Rushan Mohd Jailani, Dekan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM

Pengisian Seminar Oleh:

- Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir (Pakar Keselamatan Siber, UPM)
- Tuan Kamarul Azami (Jurulatih SToP)
- Pn. Norazizah Abdul Aziz (Jurulatih SToP)

Seminar SToP dianjurkan oleh SALWA Malaysia dengan kerjasama Kluster Kekeluargaan PIBK-MAIS, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM, Darul Fatihin dan Yayasan Taqwa.



GAMBAR PROGRAM BULANAN WADAH



BICARA AD-DIN
Ustaz Ismail Che Ku Kupasan Kitab Siri 266

Hikmah 168:
“Apa yang Berlaku Atas Kehendak Allah”

Kitab Hikam Ibn A’taillah As Sakandari
Jam 4:00 Petang

9 Januari 2025 | Khamis

LIVE **YouTube Live** Siaran langsung di WAPTv Malaysia

BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



Afala يَتَابَرُونَ الْقُرْآنَ

Kelas Afala Yatabarrunal Qur'an SIRI 16

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)

9.30 – 11.00 PAGI

DEWAN KULIAH ANJUNG RAHMAT, SG. MERAB, BANGI

Ustaz Mohd Naim Mohd Noor Esco Wadah Malaysia



Usrah Anjung Rahmat

Meeting ID: 850 9952 2438
Passcode: 016031

Untuk info lanjut, hubungi 013-716 7036/ 018-231 0643

USRAH ANJUNG RAHMAT
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



KELAS AFALA YATABARRUNAL QURAN BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU
MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN

USRAH STAF SEKRETARIAT WADAH PUSAT
HARI JUMAAT SETIAP MINGGU



Usrah Ilmuwan - Siri 199

SAINS UKHUWAH : DI MANA TAHAP ANDA?
“Science of Brotherhood: What is Your Status?”

13 Januari 2025 (ISNIN) | 09:00 – 10:00 MALAM
#IlmuwanTerakhyeraUmmah

Pembicara:
Dato' Prof. Dr. Kamarulazizi I
Pengerusi,
Kluster Sains dan Pembangunan Ma
Nadwah Ilmuwan ABIM.

Haydar Zabri
P.P.M.
UNISEL Shah Alam.

USRAH ILMUWAN
HARI ISNIN SETIAP MINGGU



مسرة مای

USRAH MAYA
WADAH PUSAT

USRAH WADAH PUSAT
HARI SELASA SETIAP MINGGU